

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 MAY 2016

Kempen Dr. Mahathir bantu pembangkang tidak jejas BN

Oleh **MOHD. AZRAIE MD. YUSOF**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 25 MEI**

KEHADIRAN Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi membantu kempen pembangkang dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar tidak akan menjejaskan prestasi Barisan Nasional (BN).

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, BN sebaliknya mengalu-alukan kedatangan bekas Perdana Menteri itu kerana ia dapat membuktikan bahawa beliau tidak lagi mendapat tempat di hati rakyat.

“Kami mengalu-alukan kedatangan beliau (Dr. Mahathir). Saya akan tunggu beliau di Kuala Kangsar untuk ‘bertumbuk-tumbuk’.

“Beliau bukan lagi seorang negarawan dan sudah tiada kredibiliti. Tiada siapa percayakan beliau lagi dan kini semakin ramai yang sudah hilang keyakinan kepadanya,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Pelancongan dan Kebudayaan berkata demikian ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Sementara itu, seorang lagi Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Tajuddin Abdul Rahman pula berpendapat, Dr. Mahathir mung-

kin mampu menarik undi kepada pembangkang namun perkara lebih penting ialah undi majoriti yang akan tetap berpihak kepada BN.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, pembangkang sebelum ini mencipta pelbagai isu termasuk derma RM2.6 bilion dan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), namun tidak semua rakyat terpengaruh dengan fitnah tersebut.

“Rakyat lebih bijak, mereka akan menilai sendiri sama ada apa yang diperkatakan itu betul atau tidak, fitnah atau tidak termasuk apa yang keluar dari mulut Dr. Mahathir,” katanya.

Um-26/5/2016



Beliau bukan lagi seorang negarawan dan sudah tiada kredibiliti. Tiada siapa percayakan beliau lagi dan kini semakin ramai yang sudah hilang keyakinan kepadanya.”

MOHAMED NAZRI AZIZ
Ahli Majlis Tertinggi UMNO